

KENYATAAN MEDIA: PROGRAM ADUN MUDA SELANGOR 2013

Program ADUN Muda Selangor telah dianjurkan oleh Pejabat Speaker dan Pejabat Dewan Negeri Selangor khas bagi mahasiswa dan mahasiswi dari institut pengajian tinggi di sekitar Selangor untuk memberi peluang kepada mereka mengalami prosiding sebenar di Dewan Negeri sebagai ahli-ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN).

Program ini telah diadakan sepanjang 3 hari bermula pada hari Isnin lepas (16 Disember 2013) sehingga hari ini (18 Disember 2013) di Bangunan Annex, Dewan Negeri Selangor, Shah Alam. Kami telah menerima sebanyak 265 permohonan dari seluruh Malaysia dan 30 peserta daripada institut-institut pengajian tinggi awam, swasta dan badan-badan bukan kerajaan (NGO) serta persatuan-persatuan mahasiswa telah dipilih. Panel pemilihan terdiri daripada YB Hannah Yeoh (Tuan Speaker) dan YB Nik Nazmi Nik Ahmad (Timbalan Speaker). Peserta-peserta yang terpilih adalah gabungan peserta-peserta daripada kawasan bandar dan juga luar bandar di negeri Selangor yang berumur daripada 18 - 24 tahun.

Program ADUN Muda Selangor merupakan satu program baru yang diadakan buat pertama kali di Selangor. Ini merupakan satu inisiatif Dewan Negeri Selangor untuk mendidik golongan muda tentang peranan dan tanggungjawab seorang wakil rakyat dan mendedahkan mereka kepada dunia politik dari peringkat awal.

Para peserta telah mempelajari tentang prosedur dan proses penggubalan undang-undang di peringkat negeri dan diberi pendedahan kepada persidangan di Dewan Negeri Selangor apabila mereka membahaskan usul-usul sebagai ADUN muda yang dipengerusikan oleh Tuan Speaker dan Timbalan Speaker sendiri.

Para peserta juga telah berpeluang bertemu dengan para Pengurus Jawatankuasa Terpilih, wakil penyokong Kerajaan Negeri dan beramah mesra bersama Ketua Pembangkang.

Melalui program ini juga, Dewan Negeri telah berjaya merapatkan lagi hubungan di akar umbi khususnya dengan anak-anak muda dan membuatkan Dewan Negeri lebih mesra dan mudah diakses.

Program ini telah memberi peluang kepada para peserta menampilkkan sifat kepimpinan mereka. Hanif bin Mahpa, Muhammad Anas bin Shafiee dan Ganeshwaran a/l Kana telah dipilih sebagai peserta-peserta terbaik di dalam program.